

**PENGETAHUAN KECEDEeraan SUKAN DALAM KALANGAN JURULATIH
GURU (*TEACHER COACH*) MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH PULAU
PINANG (MSSPP)**

Junaidy bin Mohamad Hashim, Ph.D¹, Rosli Hamid, Ph.D²,
Syed Ahmad Ezahar bin Syed Ambon³ & Mohd Hairul Nizam bin Jamil⁴

Jabatan Pendidikan Jasmani, IPGK Sultan Abdul Halim
junaidy@ipsah.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menguji tahap pengetahuan kecederaan sukan dalam kalangan jurulatih guru (*teacher coach*) Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang (MSSPP). Seramai 50 orang jurulatih telah mengambil bahagian dalam kajian ini yang terdiri daripada 41 jurulatih lelaki dan sembilan jurulatih perempuan. Instrumen kajian merupakan set soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu *latar belakang jurulatih* yang terdiri daripada sembilan item soalan beserta dengan *pengetahuan kecederaan dalam sukan* yang terdiri daripada 20 item dan dikategorikan dalam dua dimensi iaitu pengetahuan menguruskan kecederaan sukan (10 item) dan jenis kecederaan dalam sukan (10 item) berdasarkan skala likert lima nilai. Analisis dijalankan secara deskriptif melibatkan min, sisihan piawai dan peratus. Keputusan menunjukkan jurulatih guru (*teacher coach*) MSSPP memiliki dan mempunyai pengetahuan di dalam pengurusan kecederaan dan menentukan jenis kecederaan dalam sukan untuk menjalankan prinsip bantu mula. Walaupun terdapat beberapa aspek yang menunjukkan terdapat kelemahan namun secara keseluruhan dapatan kajian jelas menunjukkan jurulatih guru (*teacher coach*) MSSPP berpengetahuan dan mampu mengenal pasti jenis-jenis kecederaan yang dialami oleh atlet ketika bersukan.

Kata kunci: *Pengetahuan kecederaan dalam sukan, menguruskan kecederaan sukan, jenis kecederaan dalam sukan, jurulatih guru (teacher coach)*